

27 MAR 2004

Arkib-Rumah

ARKIB NEGARA CADANG AMBILALIH RUMAH SEJARAH DI KEPALA BATAS

KEPALA BATAS, 27 Mac (Bernama) -- Arkib Negara bercadang mengambilalih Rumah Sejarah di sini, rumah yang pernah didiami oleh Haji Abdullah Fahim, tokoh ulama yang bertanggungjawab mencadangkan tarikh kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957.

Ketua Pengarahnya Rahani Jamil hari ini berkata perkara itu dijangka selesai dalam tempoh tiga bulan selepas berbincang dengan anggota keluarga tokoh berkenaan.

"Saya berharap sangat dan akan cuba seberapa boleh dari segi mengambilalih untuk menjadikannya sebagai rumah sejarah sama seperti usaha yang dibuat Arkib negara ke atas rumah kelahiran bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad di Alor Setar," katanya kepada pemberita selepas majlis Bicara Sejarah Tokoh Ulama: Abdullah Fahim yang dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir yang baru diumumkan sebagai Menteri Penerangan.

Sebelum ini, katanya, Arkib Negara pernah berbincang dengan anggota keluarga tokoh berkenaan mengenai perkara itu.

Beliau berkata Arkib Negara sedang merancang mengenai konsep pameran di rumah itu seperti aktiviti dan sumbangan Abdullah Fahim yang akan menjadi pusat penyelidikan bagi generasi akan datang dan dihayati oleh masyarakat mengenai sumbangan tokoh itu.

"Kami mahu mengadakan persekitaran asa pada masa itu dan Arkib Negara akan berusaha mendapatkan gambar sebenar untuk membina semula rumah itu seperti bentuk asal," katanya.

Abdullah Fahim, datuk kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, merupakan tokoh ulama yang terkenal pada masa Perang Dunia Pertama sehingga zaman kemerdekaan.

Selain mahir dalam ilmu-ilmu agama, Abdullah Fahim yang dilahirkan di

Mekah pada 1880 juga seorang ahli falak dan kesusasteraan Arab dan merupakan seorang ahli politik yang cekap.

Beliau kembali ke sini untuk mengajar agama pada 1916 dengan bilangan pelajar yang datang dari seluruh negara termasuk Patani, Jawa, Sumatera, Arab, India dan China.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdul Kadir berharap usaha Arkib Negara akan menjadi kenyataan untuk menjadikan rumah warisan Abdullah Fahim itu yang kini menjadi pusat gerakan Umno Kepala Batas sebagai sebuah kompleks Rumah Sejarah dan Memorial.

Katanya usaha itu bukan sahaja sekadar menjadi lambang ketokohan individu malah merupakan kemegahan rakyat bahawa negara ini telah melahirkan ramai tokoh ulung yang patut dijadikan contoh tauladan.

-- BERNAMA

NH NHD